

SOALAN NO. 495**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN****MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan keberkesanan program untuk menghadapi penganiayaan kanak-kanak dan seksual di negara.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) prihatin dengan kes-kes penganiayaan dan jenayah seksual ke atas kanak-kanak yang berlaku dan sentiasa mengambil langkah proaktif bagi menangani punca dan akibat berlakunya kes-kes sedemikian. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

a. **PEKERTI**

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaksanakan program pendidikan kesihatan reproduktif **PEKERTI@KOMUNITI** kepada golongan berisiko tinggi pada tahun 2014 untuk merangkumi penghuni institusi JKM, remaja dan ibu bapa di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR), dan pemimpin komuniti seperti Rukun Tetangga. Sejak tahun 2014 hingga September 2017, sebanyak 181 buah program telah dilaksanakan di seluruh negara melibatkan 6,717 orang remaja dan 1,788 orang

ibu bapa. Disamping itu, LPPKN dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah melaksanakan projek rintis **PEKERTI@SEKOLAH**, iaitu Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah untuk murid Tahun 6 iaitu selepas UPSR, pelajar Tingkatan 3 iaitu selepas PT3 (Penilaian Tahap 3) dan pelajar Pendidikan Khas di sekolah-sekolah terpilih di seluruh Malaysia mulai tahun 2012. Pada tahun 2012 hingga 2015, seramai 10,025 orang pelajar dari 141 buah sekolah telah mengikuti projek rintis ini. Seterusnya di bawah Projek *United Nations Population Fund* (UNFPA) 2017, sebanyak 40 buah sekolah di seluruh Malaysia telah dipilih untuk menjalankan program ini bermula Oktober hingga November 2017.

b. Program Keselamatan Kanak-Kanak Di Sekolah - Sahabat B.I.J.A.K

Program ini sedang giat dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan terutamanya Kementerian Pendidikan dan sektor korporat. Program ini bermula sejak tahun 2014 dan direka bagi tujuan menyebar luas maklumat berkaitan aspek keselamatan kanak-kanak termasuk literasi undang-undang kepada kanak-kanak sekolah, ibu, bapa, penjaga, guru-guru serta masyarakat.

c. ***Child Care and Child Protection Unit (CCNCPU)***

Perkhidmatan *Child Care and Child Protection Unit (CCNCPU)* ini diwujudkan di daerah-daerah melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah. Unit ini bertindak dalam memberikan perlindungan dan pemeliharaan ke atas kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan seperti kanak-kanak yang dianiaya, diabai, dibuang dan kanak-kanak dari keluarga berisiko tinggi yang didapati tidak mampu menyediakan keperluan untuk pembesaran dan perkembangan kanak-kanak tersebut.

d. ***Pembangunan kapasiti pegawai kehakiman, perundangan dan pihak berkuasa***

Latihan pembangunan kapasiti turut dilaksanakan bagi memantapkan lagi pemahaman pegawai kehakiman, perundangan dan pihak berkuasa seperti polis ke atas perundangan dan hak asasi berkaitan kanak-kanak seperti berikut:

1. Bengkel pematuhan instrumen hak asasi manusia kepada pegawai-pegawai AGC, badan kehakiman, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan termasuklah KPWKM;
2. Latihan Kehakiman dan Perundangan kepada para pegawai kehakiman dan perundangan, Jabatan Penjara, Kementerian Luar Negeri, polis dan agensi lain yang berkaitan; dan

3. Seminar mengenai perundangan dan hak kanak-kanak dan wanita kepada pegawai-pegawai polis di Maktab PDRM.

e. Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak

Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak merupakan pasukan sedia ada yang ditubuhkan di daerah-daerah untuk menyediakan perkhidmatan kepada keluarga dan kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan pemeliharaan dan pelindungan, iaitu antaranya kanak-kanak yang dicederakan daripada segi fizikal, dianiayai, diabaikan dan dibuang. Pasukan ini distruktur semula melalui pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 pada tahun 2016 dengan keanggotaan tidak lebih daripada 7 orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam perkara yang berhubungan dengan pencegahan, pemeliharaan dan pelindungan kanak-kanak, seorang pegawai perubatan dan seorang pegawai polis kanan.

f. Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak

Penubuhan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) di peringkat negeri, daerah dan komuniti berperanan untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dalam pencegahan jenayah dan kerosakan

akhlak serta kebajikan dan pemulihan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan tidak terkawal. PKKK melibatkan Pegawai Kanan Polis, Pegawai Pendidikan dan ahli-ahli yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dalam perkara pelindungan dan pemulihan kanak-kanak.

g. Modul PEKA

Modul Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) dibangunkan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa, penjaga dan masyarakat mengenai isu keselamatan anak.

h. Penerbitan buku panduan “#Safe Web4Kids: Bimbingan Kanak-Kanak untuk Keselamatan Online”

Buku yang dihasilkan secara kerjasama oleh DiGi, UNICEF dan Protect and Save the Children (NGO) ini bertujuan untuk memberikan maklumat dan panduan kepada kanak-kanak dan ibu bapa/guru tentang langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya berhadapan dengan ancaman siber.

i. Tinjauan pendapat mengenai penggunaan Internet

DiGi dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah turut melaksanakan tinjauan pendapat secara kualitatif dalam kalangan

pelajar sekolah pada tahun 2013, 2014 dan 2015 serta pada tahun 2017. Tinjauan pendapat ini dibuat bagi mendapatkan pengalaman kanak-kanak semasa melayari internet dan tahap kesedaran mereka terhadap ancaman siber dan cara untuk menanganinya.

Tuan Yang Dipertua,

Selain daripada program-program yang dianjurkan tersebut, keberkesanan boleh diukur daripada segi jumlah pelaporan yang direkod. Ini boleh dilihat melalui peningkatan kes yang dilaporkan sebanyak 53% pada tahun 2016 (4,982 kes) berbanding tahun 2010 (3,257 kes).

Peningkatan laporan ini telah membuktikan pihak KPWKM memberi perlindungan, pemulihan dan seterusnya sokongan kepada mangsa kanak-kanak dan keluarga mereka. Keberkesanan program ini bukan sahaja bergantung pada agensi Kerajaan tetapi semua lapisan masyarakat. Saya menyeru agar Yang Berhormat-Yang Berhormat turut menguar-uarkan program berkenaan supaya kesejahteraan anak-anak Malaysia terjamin.